

PANDUAN PENGURUSAN KEWANGAN BADAN PELAJAR

1. Sumber pendapatan badan pelajar
 - (a) Akaun Kontra Badan Pelajar
 - (i) Semua badan pelajar yang berdaftar di bawah HEP UUM mempunyai akaun kontra untuk menyimpan semua wang badan pelajar.
 - (ii) Semua jenis pendapatan yang diperolehi badan pelajar samada daripada kutipan, sumbangan dan yuran akan dimasukkan ke dalam Akaun Kontra Badan Pelajar tersebut.
 - (iii) Bendahari badan pelajar boleh menyemak penyata akaun di Bahagian Pembangunan Pelajar sebelum melaksanakan perancangan perbelanjaan bagi sesuatu aktiviti.
 - (b) Peruntukan HEP/ JKPS
 - (i) Peruntukan khas yang diberikan oleh HEP atau INASIS kepada badan pelajar bagi tujuan menjalankan aktiviti pelajar. (untuk kes-kes tertentu)
 - (c) Kutipan wang di dalam atau luar kampus
 - (i) Kutipan yang dilakukan hendaklah di bawah pengawasan Penasihat badan pelajar.
 - (ii) Semua wang kutipan perlu dimasukkan ke dalam Akaun Kontra Badan Pelajar.
 - (iii) Pelajar hanya dibenarkan membuat kutipan kewangan setelah kertas kerja diluluskan oleh TNC HEPA.
 - (iv) Pelajar hendaklah PATUH kepada tempoh jangka masa yang ditetapkan yang membenarkan mereka mengutip derma iaitu 3 bulan sebelum program berlangsung dan akan terbatal satu hari selepas tarikh program berlangsung.
 - (v) Adalah diingatkan bahawa nama Y.B. Menteri Pengajian Tinggi, Pejabat Menteri Pengajian Tinggi, Naib Canselor UUM, Timbalan-timbalan Naib Canselor UUM atau nama pegawai yang meluluskan tidak boleh digunakan dalam usaha kutipan yang telah diluluskan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.
 - (d) Penajaan luar
 - (i) Penajaan luar yang dipohon oleh pelajar dari pihak luar hanya boleh disalurkan dalam bentuk berikut:
 - 1) Cek atas nama Bendahari UUM
 - 2) Akaun Bank Islam Bendahari Universiti Utara Malaysia
No. Akaun: 02093010000010 (Perlu dinyatakan tujuan bayaran. contoh: Sumbangan kepada Kelab Badminton)

- (ii) Semua cek/sumbangan dari luar hendaklah diserahkan kepada Bendahari UUM beserta dengan memo yang boleh diperolehi daripada Unit Kewangan dan Pentadbiran, HEP.
 - (iii) Pelajar adalah dilarang menyimpan sebarang sumbangan sama ada di bilik badan pelajar/bilik penginapan bagi mengelakkan kehilangan/kecurian (sekiranya berlaku, ianya adalah di bawah tanggungjawab pelajar itu sendiri).
 - (iv) Pelajar dilarang membuat sebarang permohonan sumbangan atau tajaan SECARA PERIBADI daripada mana-mana Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Wakil-Wakil Rakyat bagi tujuan projek yang akan dilaksanakan.
 - (v) Sumbangan berbentuk bukan kewangan perlu dimaklumkan secara bertulis oleh penganjur aktiviti dan disimpan di dalam sistem rekod badan pelajar.
- (e) Yuran
- (i) Badan pelajar digalakkan mengenakan yuran penyertaan kepada peserta bagi memastikan mereka memberikan komitmen kepada pelaksanaan aktiviti.
 - (ii) Kutipan yuran perlu dimasukkan ke dalam Akaun Kontra Badan Pelajar.

2. Perbelanjaan Aktiviti Badan Pelajar

- (a) Badan pelajar perlu merancang perbelanjaan bagi setiap aktiviti dengan berhemah dan mematuhi Panduan Pengurusan Kewangan yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- (b) Perbelanjaan aktiviti pelajar ke luar negara hendaklah pada kadar berpatutan bagi sesebuah negara tertakluk kepada jumlah peruntukan yang dibenarkan oleh TNC HEPA.
- (c) Perbelanjaan yang layak dipertimbangkan adalah seperti berikut:
- (i) Perbelanjaan pengurusan

Perkara	Keterangan	Kadar Yang Diluluskan
Telefon: 1. Isian Semula Kad Pra Bayar 2. <i>Postpaid</i>	1. Tertakluk kepada kelulusan kertas kerja dan kegunaan telefon adalah untuk keperluan program sahaja. 2. Pelajar perlu menyenaraikan nombor telefon yang dihubungi jika diminta oleh HEP	<i>Jumlah maksimum yang dibenarkan adalah sebanyak RM20.00 bagi satu aktiviti.</i>
Minyak petrol dan tol	1. Tuntutan bayaran minyak dan tol adalah dibenarkan sekiranya Universiti tidak dapat menyediakan pengangkutan. 2. <i>Kelulusan perlu diperolehi terlebih dahulu dari Pengetua atau Pengarah HEP atau Dekan PPA sekurang-kurangnya 3 hari sebelum tarikh aktiviti, kecuali bagi program arahan rasmi universiti atau mengikut kertas kerja yang telah diluluskan.</i> 3. <i>Tuntutan yang dibenarkan hanyalah untuk kenderaan yang mempunyai pelekat kenderaan pelajar yang dikeluarkan oleh Universiti sahaja.</i>	Bayaran dibuat mengikut resit yang telah disahkan sahaja.
Bahan Percetakan (Buku Program/ Pamphlet/ Brosur/ Poster/ Sijil) (saiz A4)	1. Tempahan percetakan boleh dibuat menerusi UUM Press. 2. Percetakan luar adalah dibenarkan jika harga yang ditawarkan adalah berpatutan.	Mengikut harga yang terendah

(ii) Kadar Jamuan Makan

- 1) Kadar dan jenis jamuan hanya layak diberi mengikut waktu makan penganjuran sesuatu aktiviti.
- 2) Kadar ini terpakai untuk semua aktiviti pelajar yang diluluskan oleh pihak Universiti.
- 3) Kadar **maksimum** bagi sehari adalah sebanyak RM16.00 sahaja seperti pecahan berikut:

Jenis Jamuan	Kadar	Masa Aktiviti
Sarapan pagi	RM4.00	6.30 pagi - 9.30 pagi
Makan Tengahari	RM6.00	12.30 tengah hari – 2.30 petang
Makan Malam	RM6.00	7.30 malam - 9.30 malam

- 4) Penasihat program adalah bertanggungjawab untuk mengesahkan waktu program diadakan dan memastikan kadar jamuan yang dituntut adalah mengikut waktu yang bersesuaian dan munasabah.
- 5) Bagi majlis-majlis untuk meraikan pelajar seperti Majlis Anugerah, Majlis Penghargaan, dan Jamuan Akhir Tahun, kadar maksimum jamuan makan adalah sebanyak RM25.00 seorang.

(iii) Pemberian Cenderamata

- 1) Pemberian cenderamata berbentuk bahan ilmiah seperti buku adalah digalakkan kepada perasmi jemputan bagi sesuatu program.
- 2) Pemberian cenderamata dalam bentuk makanan seperti buah-buahan atau hamper makanan juga dibenarkan tertakluk kepada kesesuaian program.
- 3) Penceramah/ fasilitator yang diberikan bayaran tidak layak diberikan hadiah/ cenderamata.
- 4) Pemberian hadiah/cenderamata kepada staf UUM adalah tidak digalakkan.

(iv) Kadar Bayaran Saguhati/ Honorarium

- 1) Bayaran saguhati adalah tertakluk kepada Pekeliling Bendahari.

(v) Hadiah Pertandingan Pelajar

- 1) Hadiah pertandingan yang diberikan dalam bentuk tunai atau barangan adalah tertakluk kepada kadar seperti berikut:

Perkara	Keterangan	Kadar
Hadiah Aktiviti		Tidak melebihi:

Peringkat Penginapan Pelajar/ Kolej	Hadiah Pertama Hadiah Kedua Hadiah Ketiga	RM300.00 RM200.00 RM100.00
Hadiah Aktiviti Peringkat Universiti/ Zon/ Negeri	Hadiah Pertama Hadiah Kedua Hadiah Ketiga	Tidak melebihi: RM500.00 RM400.00 RM300.00
Hadiah Aktiviti Peringkat Kebangsaan	Hadiah Pertama Hadiah Kedua Hadiah Ketiga	Tidak melebihi: RM800.00 RM700.00 RM600.00

- 2) Kadar ini boleh berubah jika badan pelajar memperolehi penajaan atau sumbangan daripada pihak luar yang dibenarkan oleh TNC HEPA.

3. Hasil perbelanjaan

(a) Penjimatan

- (i) Pembelian barang dengan harga yang lebih rendah berbanding harga dalam perancangan adalah dikira sebagai langkah penjimatan.
- (ii) Dengan langkah penjimatan oleh badan pelajar, lebih pendapatan yang berjaya dijimatkan semasa berbelanja akan dikira sebagai keuntungan.
- (iii) Contoh:

Jumlah Pendapatan diperolehi	RM1200.00
Perbelanjaan yang digunakan	RM900.00
Penjimatan	RM300.00

(b) Keuntungan

- (i) Keuntungan yang diperolehi hasil dari jualan dalam aktiviti di bawah dimensi keusahawanan.
- (ii) Keuntungan perlu dinyatakan di dalam laporan program beserta bukti.
- (iii) Contoh:

Jumlah Pendapatan diperolehi	RM1000.00
Perbelanjaan yang digunakan/ Harga Kos	RM800.00
Hasil Jualan	RM1500.00
Penjimatan	RM200.00
Keuntungan	RM700.00

(c) Kerugian

- (i) Badan pelajar yang mengalami lebih perbelanjaan daripada peruntukan yang telah diberikan tanpa ada justifikasi yang munasabah akan dianggap gagal mengawal perbelanjaan aktiviti dengan berhemah.
- (ii) Jika pelajar mempunyai justifikasi yang kukuh dan relevan dengan pelaksanaan aktiviti, permohonan peruntukan tambahan boleh dibuat secara bertulis kepada Dekan HEP. Keputusan adalah tertakluk kepada jumlah peruntukan yang ada di dalam akaun kontra badan pelajar tersebut.

4. Tuntutan Perbelanjaan

(a) Tuntutan perbelanjaan aktiviti yang dianjurkan oleh badan pelajar

- (i) Pelajar yang telah mendahulukan duit untuk menjalankan aktiviti di bawah badan pelajar layak menuntut perbelanjaan yang telah ditetapkan dengan syarat perbelanjaan yang hendak dituntut ada di dalam perancangan dan kertas kerja yang telah diluluskan oleh TNC HEPA.
- (ii) Setiap tuntutan pelajar perlu dilengkapi dengan dokumen sampingan seperti berikut:
 - 1) Borang tuntutan bayaran yang boleh diperolehi dari Kaunter B2P.
 - 2) Surat tuntutan bayaran yang ditandatangani oleh pelajar yang menuntut.
 - 3) Surat kelulusan aktiviti.
 - 4) Kertas Kerja
 - 5) Dokumen kelulusan kewangan
 - 6) Laporan aktiviti
 - 7) Resit asal perbelanjaan yang telah disahkan oleh penasihat.
- (iii) Hanya resit asal yang mempunyai cop dan perakuan dari peniaga sahaja yang diterima. Resit perlu dilekatkan dengan kemas di atas kertas A4. Contoh adalah seperti di Lampiran 12.
- (iv) Pelajar adalah bertanggungjawab sepenuhnya di atas tuntutan yang telah dibuat oleh mereka. HEP berhak memanggil pelajar jika terdapat sebarang persoalan berhubung tuntutan yang dibuat.
- (v) Sebarang tuntutan yang meragukan seperti tuntutan jumlah yang tidak relevan atau resit yang diubahsuai oleh pelajar berhak ditolak oleh HEP.

(b) Tuntutan Elaun Pelajar bagi pelajar yang menyertai aktiviti yang diarahkan oleh Universiti

- (i) Elaun Makan yang layak dipohon oleh pelajar bagi aktiviti dalam negara:

Kategori	Kelayakan
Program/ aktiviti lebih dari 24 jam	RM20.00/ hari
Program/ aktiviti lebih dari 12 jam tetapi kurang dari 24 jam	RM15.00/ hari
Program/ aktiviti lebih dari 8 jam tetapi kurang dari 24 jam	RM10.00/ hari

- (ii) Elaun makan yang layak dipohon oleh pelajar bagi aktiviti luar negara:

Kategori	Kelayakan
Negara ASEAN	RM50.00/ hari
Luar ASEAN	RM80.00/ hari

(c) Elaun Pengangkutan

- (i) Pelajar boleh memohon elaun pengangkutan bagi tiket pengangkutan awam yang dibenarkan pada kadar yang terendah.
- (ii) Pengangkutan udara dibenarkan sekiranya kadar tambangnya adalah lebih murah berbanding pengangkutan darat.
- (iii) Pelajar boleh membuat tuntutan ini sekiranya pengangkutan tidak disediakan oleh Universiti atau penganjur program.

(d) Elaun Penginapan

- (i) Pelajar boleh membuat tuntutan ini sekiranya penginapan tidak disediakan dan pesanan belian tidak diterima oleh tempat penginapan.
- (ii) Pelajar digalakkan untuk menginap di mana-mana Kolej/ Asrama/ Pusat Penginapan yang disediakan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang berhampiran.
- (iii) Pelajar yang memohon untuk membuat tuntutan bagi kadar ini adalah tertakluk kepada kelulusan Universiti.
- (iv) Kadar yang layak adalah:

Kategori	Kelayakan
Dalam negara	Jumlah sebenar yang ditentukan oleh IPT berkenaan atau tidak melebihi RM60.00/ malam bagi penginapan luar.
Luar negara	Mengikut harga hotel yang termurah.

(e) Syarat-syarat yang melayakkan perkara (b) adalah seperti berikut:

- (i) Penyertaan pelajar ialah aktiviti yang diarahkan oleh universiti sahaja.
- (ii) Kemudahan makan, minum, penginapan dan pengangkutan tidak disediakan oleh penganjur.
- (iii) Tempoh kegiatan lebih dari 8 jam termasuk waktu perjalanan.
- (iv) Sekiranya pihak Universiti tidak dapat menyediakan pengangkutan.
- (v) Tuntutan akan dibayar atas kadar kos satu tempat duduk, atau teksi bermeter atau bayaran sebenar, tidak lebih dari kadar yang ditetapkan Badan Perlesenan Teksi Awam.
- (vi) Pelajar perlu mengemukakan tiket asal sebagai bukti.
- (vii) Kelulusan pembayaran adalah tertakluk kepada kelulusan Dekan HEP/ TNC HEPA.

LAMPIRAN 12

CONTOH RESIT TUNTUTAN PERBELANJAAN AKTIVITI BADAN PELAJAR

SAMPLE RECEIPT

555 S Bayshore
Riviera, St. Thomas
355-555-5555

STORE: 002	RECEIPT: 01
ORDER: 072	
RECEIPT: 0000	
CUSTOMER RECEIPT COPY	
DIGITAL TRANSACTION INFORMATION	
STORE : 002	
RECEIPT : 01	
DATE : 02/01/2020	
AMOUNT : 281.44	

SUBTOTAL	281.88
SALU TAX	2.46
TOTAL	284.34

INVOICE NUMBER	281.44
REF: *****1234	
EXP: *****	
APPROVAL: 0000	
CARDHOLDER NAME: ABU HASSAN	
TOTAL PAID	281.44
Transaction: 5258	1/8/2020 1:42 PM

CARDHOLDER SIGNATURE:	
<p>THANK YOU FOR SHOPPING WITH US WE APPRECIATE YOUR BUSINESS</p>	

Nabila
Nabila Azmi
Penasihat
Kelab UCAP

Tasneem
Mohd Fairus Abd Majid
Pembantu Tadbir
Kelab UCAP

Abu
Abu Hassan
Pembantu Tadbir
HEP

Jamuan: Makan Malam –
RM281.44

DANS PUMP AND GO
15238 MAIN ST
NEWTOWN
CAROLINA 93802

ST-TX: 11088880 (555) 708-2224
2010-02-25 1M424534:9338300 07:09
TERMINAL: 509338300 OPER: A

Fuel	(G)	(\$/G)	(\$)	
Pump 9				
Price/Ton	40,000	1,345	53.80*	
Total Owed				53.80
TOTAL PAID				53.80
CREDIT CARD				53.80

VISA *****40597
INV. 972821 AUTH. 545633
Purchase
S 0010010010 00 127
00 APPROVED - THANK YOU

-- IMPORTANT --
Retain This Copy For Your Records

Nabila
Nabila Azmi
Penasihat Kelab
UCAP

Publisiti: Backdrop
– RM53.80

Corner Pharmacy

7:55:57 AM, 02/01/2020

PLEASE TAKE OUR CUSTOMER SATISFACTION SURVEY ONLINE FOR YOUR CHANCE TO WIN A YEAR WORTH OF YOUR FAVORITE TOOTH PASTE.

SURVEY ID: 71920579183459572

.....	\$30.00
.....	\$10.00

Total:	\$40.00
AMEX	
ACCT*****3234	\$0.00
Change:	\$0.00

FLEXIBLE SPENDING ACCT SURVEY
CPACR BK ELIGIBLE TOTAL \$30.00

Tasneem
Mohd Fairus Abd Majid
Pembantu Tadbir
Kelab UCAP

Abu
Abu Hassan
Pembantu Tadbir
HEP

Perbelanjaan Pentadbiran:
Buku Nota – RM40.00

HEP